

22/09/1997

3 akhbar hentikan operasi

KUCHING, Ahad - Tiga akhbar tempatan di negeri ini menghentikan operasi berikutan pengisytiharan darurat jerebu di Sarawak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semua kakitangan syarikat akhbar terbabit, iaitu dua akhbar berbahasa Inggeris, Sarawak Tribune dan People Mirror serta sebuah akhbar berbahasa Melayu, Utusan Sarawak, diberikan cuti selama dua hari, mulai semalam.

Berikutan itu, hanya sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan kini beroperasi iaitu Borneo Post, bagi melaporkan perkembangan terkini masalah jerebu di Sarawak. Turut beroperasi ialah beberapa akhbar berbahasa Cina.

Bagaimanapun, orang ramai di bandar raya ini khususnya, berpeluang mendapatkan akhbar kebangsaan Berita Harian lebih awal di pasaran hari ini, berikutan kerjasama yang diberikan Sin Chew Jit Poh.

(END)